



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI GURU TERHADAP PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM
PENDIDIKAN ANAK-ANAK DI SEKOLAH MENENGAH, TEMERLOH,
MALAYSIA**

REDUAN BIN MOHAMAD NOR

FPP 2008 15



**PERSEPSI GURU TERHADAP PENGLIBATAN
IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN ANAK-
ANAK DI SEKOLAH MENENGAH,
TEMERLOH, MALAYSIA**

REDUAN BIN MOHAMAD NOR

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2008



**PERSEPSI GURU TERHADAP PENGLIBATAN IBU BAPA
DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK
DI SEKOLAH MENENGAH, TEMERLOH, MALAYSIA**

Oleh

REDUAN BIN MOHAMAD NOR

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Januari 2008



LAMPIRAN A



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERSEPSI GURU TERHADAP PENGLIBATAN IBU BAPA
DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK
DI SEKOLAH MENENGAH, TEMERLOH, MALAYSIA**

Oleh

REDUAN MOHAMAD NOR

Januari 2008

Pengerusi : Profesor Datin Sharifah Mohd Nor, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini adalah berkaitan dengan persepsi guru-guru sekolah menengah terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka berdasarkan model Epstein. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi guru sekolah menengah terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka. Responden terdiri daripada 130 orang guru dari tiga buah sekolah terpilih yang terletak dalam daerah Temerloh.

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Dapatan telah menunjukkan guru berpersepsi ibu bapa perlu melibatkan diri dalam empat jenis penglibatan daripada enam jenis penglibatan dalam model Epstein. Keempat-empat jenis penglibatan yang dikenalpasti



menurut persepsi guru ialah keibubapaan, komunikasi, pembelajaran di rumah dan kolaborasi dengan komuniti.

Berdasarkan kepada tahap kepuasan guru, didapati secara keseluruhannya mereka tidak berpuas hati terhadap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti keibubapaan dan kesukarelawanan manakala penglibatan ibu bapa dalam aktiviti komunikasi dan pembelajaran di rumah didapati memuaskan hati para guru.

Bagi aktiviti governan sekolah secara keseluruhannya menurut guru, cara dan aktiviti paling kerap ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak adalah dengan menghadiri mesyuarat PIBG di sekolah (61.5%) manakala kurang daripada 50% guru bersetuju bahawa ibu bapa kerap melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti lain seperti menjadi ahli jawatankuasa sekolah, menyertai program yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan terlibat dalam penyemakan kurikulum sekolah. Sementara itu, bagi aktiviti kolaborasi sekolah dan komuniti didapati majoriti guru berpersepsi bahawa kekerapan sekolah melibatkan pihak luar dalam pendidikan adalah rendah.

Guru berpersepsi bahawa masalah dan kekangan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah adalah disebabkan oleh masalah seperti "terlalu sibuk", "tidak mahu melibatkan diri", "tidak mempunyai pengetahuan", "kekurangan sumber kewangan bagi membiayai aktiviti yang melibatkan ibu bapa", "sikap negatif" dan "tiada kemahiran".

Dari segi perbandingan penglibatan ibu bapa pelbagai etnik dalam pendidikan anak-anak, didapati para guru berpersepsi bahawa ibu bapa Melayu menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam aktiviti berbincang dengan guru, menggalakkan anak-anak hadir ke kelas tambahan, aktiviti kokurikulum, memberi sumbangan idea dan tenaga. Ibu bapa Cina pula dipersepsi lebih cenderung menghantar anak ke kelas tuisyen, menderma kepada pihak sekolah dan membeli buku rujukan tambahan. Ibu bapa India dan etnik lain pula dipersepsi mempunyai tahap penglibatan yang rendah dalam aktiviti berkenaan.

Kaedah interaksi ibu bapa dan pihak sekolah yang paling tinggi menurut guru adalah melalui surat, diikuti oleh telefon dan perjumpaan bersemuka. Kaedah-kaedah lain seperti e-mel, faksimili dan SMS didapati amat kurang digunakan. Selain itu, guru berpersepsi penglibatan agensi-agensi luar (komuniti) dalam pendidikan di sekolah yang tertinggi ialah melalui jabatan kerajaan manakala penglibatan daripada agensi-agensi lain masih lagi pada tahap yang rendah.

Kajian ini memberikan implikasi bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan untuk meningkatkan lagi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah daripada segi perancangan dan program-program yang lebih berkesan untuk dilaksanakan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**TEACHERS' PERCEPTION TOWARDS PARENTAL INVOLVEMENT
IN THEIR CHILDREN'S EDUCATION
IN THE SECONDARY SCHOOLS, TEMERLOH, MALAYSIA**

By

REDUAN MOHAMAD NOR

January 2008

Chairman : Professor Datin Sharifah Mohd Nor, PhD

Faculty : Educational Studies

The research focuses on secondary school teachers' perception of parental involvement in their children's education based on Epstein model. The main aim of this study is to explore the secondary school teachers' perception towards parental involvement in their children's education. The respondents were comprised of 130 teachers from three selected schools that are located in the district of Temerloh.

This study is descriptive in nature. Findings showed that teachers perceived parents need to show involvement in four out of six types of parental involvements in the Epstein



model. The four types of parental involvements specified by teachers are parenting, communication, home learning, and collaboration with community.

Based on the level of teachers' satisfaction, generally they were not satisfied with parental involvement in parenting and volunteering activities, but were satisfied with parental involvement in activities of communication and home learning.

For school governance activities, generally teachers said that parental involvement in the children' education involved attending PIBG meeting in schools (61.5%) while less than 50% of teachers' agreed that parents involved frequently in other activities such as engaged as the schools' committee and 'involved in the programmed organized by schools and in revising schools' curriculum'. While for school collaboration and community activities, majority of the teachers' perceived that frequency of which school involves outsiders in education is low.

The teachers also perceived that problems and the constraints in the parental involvement in their children education in school as due to "being too busy", "reluctant to get involve", "lack of knowledge", "lack of source of money to support activities involving the parents", "negative attitude", and "lack of skills".

Based on the comparison of the different ethnics of parents involved in children education, it is shown that the Malay parents' involvement is high in the activities such as discussing with teachers, encouraging children to attend extra class and co-curriculum

activities, giving ideas and energy, and receiving comments and critics on their children. Chinese parents perceived to be more interested in sending children to tuition classes, giving donation to schools and buying extra reference books. Indian parents and other ethnics perceived as having the lowest level of involvement in the respected activities too.

The highest method of interaction between parents and schools according to the teachers are through letters, followed by telephone and face-to-face interaction. Other methods such as e-mail, facsimile and SMS are very rarely used. Besides that, teachers perceived that in terms of community's involvement in education, the highest is through government department while the involvement from other agencies is still low.

This research implies that more has to do be done to increase the level of parental involvement in their children education in schools, including planning and implementing more effective programmers.



PENGHARGAAN



Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan rasa terhutang budi kepada penyelia dan juga pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan saya iaitu Prof. Datin Dr. Sharifah Mohd Nor yang penuh kesabaran memberi bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan berkongsi pengalaman dalam menjayakan penyelidikan dan penulisan ini. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan juga untuk dua ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya iaitu Dr. Ma'rof bin Redzuan dan Dr. Samsilah binti Roslan yang juga sentiasa memberi dorongan, semangat, nasihat dan panduan tanpa merasa jemu. Sebenarnya melalui sokongan merekalah telah banyak membantu saya menjayakan penyelidikan serta penulisan ini dan ianya amat disanjung serta dihargai.

Penghargaan dan jutaan terima kasih dipanjangkan juga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam proses saya menjayakan penulisan dan penyelidikan ini, terutamanya buat Pengetua SMK Mentakab, Pengetua SMK Hwa Lian dan Pengetua SMK Temerlah serta guru-guru yang memberikan kerjasama dalam penyelidikan saya ini. Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak ternilai kepada isteri tersayang Puan Hanizam binti Abdul Mutolif dan anak-anak yang dikasihi iaitu Muhammad Amirul Hafiiz Reduan, Muhammad Shakirin Azim Reduan dan Muhammad Naim Reduan yang banyak mendorong, membantu dan berdoa untuk kejayaan saya. Segala pengorbanan mereka menguatkan semangat dan usaha saya untuk lebih berjaya.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 9 Januari, 2008 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Reduan Bin Mohamad Nor untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Persepsi Guru Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak di Sekolah Menengah, Temerloh, Malaysia” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah berkenaan.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Foo Say Fooi, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Jamaludin Ahmad, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Rusnani Abd. Kadir, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Shahril @ Charil Hj. Marzuki, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD.GHAZALI, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 1 April 2008



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sharifah Mohd Nor, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ma'rof Redzuan, PhD

Pensyarah
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Samsilah Roslan, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 April 2008



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

REDUAN BIN MOHAMAD NOR

Tarikh : 8 Januari 2008



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
BAB	
1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Kesignifikan Kajian	13
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Definisi Operasional	15
1.9.1 Persepsi	16
1.9.2 Penglibatan atau Perkongsian Keluarga (Ibu Bapa)	16
1.9.3 Peranan dan Amalan Sekolah	17
1.9.4 Peranan dan Amalan Ibu Bapa	17
1.9.5 Kepuasan Guru	18
1.10 Kesimpulan	18
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	19
2.2 Konsep Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan	21
2.3 Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Secara Umum	25
2.4 Kajian-Kajian Lepas Persepsi Guru Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan	34
2.5 Pendekatan Model	45
2.6 Model Epstein : Model Penglibatan Ibu bapa Dalam Pendidikan	45
2.6.1 Perspektif Teoritikal Terhadap Kerjasama Sekolah – Ibu Bapa – Komuniti (<i>Overlapping Spheres of Influence</i>) Mengikut Model Epstein (1987;1988)	46



2.6.2	Model Epstein: Enam Jenis Pendekatan	50
2.6.3	Model Protektif, Model Transmisi Sekolah ke Rumah dan Model Pengkayaan Kurikulum oleh Swap (1993) (Separate Model)	58
2.6.3.1	Model Protektif	59
2.6.3.2	Model Transmisi Sekolah ke Rumah	60
2.6.3.3	Model Pengkayaan Kurikulum	61
2.7	Kerangka Kajian Persepsi dan Kepuasan Guru Sekolah Menengah Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak di Sekolah Menengah dan Kekangan Yang Dihadapi	62
2.8	Kesimpulan	64
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Persampelan	66
3.3.1	Penetapan Sampel	67
3.3.2	Kaedah Persampelan	67
3.3.3	Responden Kajian: Guru	69
3.4	Alat Kajian	69
3.4.1	Keesahan Alat Kajian	70
3.4.2	Kebolehpercayaan Alat Kajian	71
3.5	Prosedur Atau Tatacara Kajian	72
3.6	Penganalisan Data Kajian	73
3.7	Kesimpulan	75
4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN	
4.1	Pengenalan	76
4.2	Latarbelakang Responden Kajian	77
4.3	Dapatan Kajian	80
4.3.1	Persepsi Guru Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak Mereka di Sekolah Menengah, Temerloh, Malaysia	81
4.3.2	Tahap Kepuasan Guru Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Pelbagai Etnik Dalam Pendidikan Anak-Anak Mereka di Sekolah Menengah Berdasarkan Model Epstein	85
4.3.2.1	Jenis 1: Keibubapaan	85
4.3.2.2	Jenis 2: Komunikasi	87
4.3.2.3	Jenis 3: Kesukarelawan	89
4.3.2.4	Jenis 4: Pembelajaran di Rumah	91
4.3.3	Jenis 5 : Governan Sekolah (Cara dan Kekerapan Sekolah Menggalakkan Penglibatan Ibu Bapa di Sekolah	94
4.3.4	Jenis 6: Kolaborasi Dengan Komuniti (Peranan Sekolah Melibatkan Pihak Luar Dalam Pendidikan	97

4.3.5	Persepsi Guru Terhadap Masalah dan Kekangan Penglibatan Ibu bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak Mereka di Sekolah Menengah	99
4.3.6	Persepsi Guru Terhadap Sikap serta Tingkahlaku Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak Mereka di Sekolah Menengah	101
4.3.7	Cara dan Keckerapan Guru dan Ibu Bapa Berinteraksi Sesama Mereka	105
4.3.8	Persepsi Guru Terhadap Penglibatan Agensi-Agensi Luar (Komuniti) Dalam Pendidikan di Sekolah Menengah	108
4.4	Kesimpulan	110
5	PERBINCANGAN	
5.1	Pendahuluan	111
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	111
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	112
5.3.1	Persepsi Guru Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak Mereka di Sekolah Menengah	113
5.3.2	Tahap Kepuasan Guru Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak Mereka di Sekolah Menengah Mengikut Model Epstein	116
5.3.3	Persepsi Guru Terhadap Governan Sekolah (Cara dan Keckerapan Sekolah Menggalakkan Penglibatan Ibu Bapa Dengan Sekolah)	123
5.3.4	Persepsi Guru Terhadap Kolaborasi Dengan Komuniti (Peranan Sekolah Melibatkan Pihak Luar Dalam Pendidikan)	125
5.3.5	Masalah dan Kekangan Kerjasama di antara Sekolah Dengan Ibu Bapa dan Komuniti Mengikut Persepsi Guru	127
5.3.6	Persepsi Guru Terhadap Sikap Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-Anak Mereka di Sekolah Menengah	129
5.3.7	Cara dan Keckerapan Ibu Bapa Berinteraksi Dengan Sekolah Serta Penglibatan Agensi-Agensi Luar (Komuniti) Dalam Pendidikan di Sekolah Menengah Mengikut Persepsi Guru	131
5.4	Implikasi Praktikal	133
5.5	Implikasi Teoritikal	135
5.6	Cadangan Umum	136
5.6.1	Program dan Polisi Kementerian Pelajaran Malaysia	136
5.6.2	Program Latihan Guru Berkaitan Kerjasama Dalam Pendidikan	137
5.6.3	Program Kerjasama Antara Sekolah Dengan Ibu Bapa Dalam Pendidikan di Sekolah-Sekolah	138
5.6.4	Program Pendidikan dan Kebajikan Anjuran Agensi-Agensi Luar	142

5.7	Cadangan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Secara Khusus	142
5.7.1	Penglibatan Dalam Aktiviti Sosial	142
5.7.2	Penglibatan Dalam Aktiviti Akademik	143
5.7.3	Penglibatan Dalam Aktiviti Kebajikan	144
5.8	Cadangan Untuk Kajian-Kajian Akan Datang	145
5.9	Kesimpulan	146
5.10	Penutup	148
	BIBLIOGRAFI	151
	LAMPIRAN A	
	BIODATA PELAJAR	168



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Taburan responden mengikut latarbelakang mereka	78
2	Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka di sekolah menengah mengikut persepsi guru	82
3	Pecahan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka mengikut model Epstein	84
4	Taburan kepuasan guru terhadap penglibatan ibu bapa pelbagai etnik berdasarkan Jenis 1 : Keibubapaan	86
5	Taburan kepuasan guru terhadap penglibatan ibu bapa berdasarkan Jenis 2 : Komunikasi	88
6	Taburan kepuasan guru terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan berdasarkan Jenis 3 : Kesukarelawananan	90
7	Taburan kepuasan guru terhadap penglibatan ibu bapa berdasarkan Jenis 4 : Pembelajaran anak-anak di rumah	91
8	Interpretasi data tahap kepuasan guru terhadap penglibatan ibu bapa bagi jenis 1 – jenis 4	93
9	Taburan cara dan kekerapan pihak sekolah mengadakan aktiviti melibatkan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka berdasarkan Jenis 5 : Governan Sekolah mengikut persepsi guru	94
10	Kekerapan sekolah dalam melibatkan pihak luar dalam pelbagai aktiviti berdasarkan Jenis 6 : Kolaborasi sekolah dengan komuniti	97
11	Persepsi guru terhadap masalah dan kekangan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan	99



12	Persepsi guru terhadap sikap serta tingkahlaku ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka	102
13	Taburan cara dan kekerapan guru dan ibu bapa berinteraksi sesama mereka	105
14	Taburan persepsi guru terhadap penglibatan agensi-agensi luar dalam pendidikan anak-anak di sekolah	108



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Model Teoritikal Bulatan Pertindanan Yang Dipengaruhi Oleh Keluarga, Sekolah Dan Komuniti Dalam Pembelajaran Anak-Anak (<i>Overlapping Spheres of Influence- by Epstein</i>)	47
2	Kerangka Kajian Persepsi Guru Sekolah Menengah Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah dan Kekangan Yang Dihadapi	63



SENARAI SINGKATAN

SES	Status Ekonomi Sosial
SPSS	Statistical Package for Sosial Science
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
VPI	Vocational Preference Inventory
MAS	Mehrabian Acceptionest Standard
ACE	Advancement of State Education
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
SMS	Sistem Maklumat Ringkas
SSG	Soal Selidik Guru
NGO	Non- Government Organization
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
SEAMEO	Southeast Asia Minister Of Education Organisation
FELDA	Federal Land Development Authority



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada masa kini sekolah memainkan peranan yang begitu penting bagi melahirkan insan yang berpotensi, kamil dan cemerlang. Oleh yang demikian dapat dilihat bahawa pendidikan pada masa kini memberi tumpuan kepada peranan serta komitmen para guru bagi menentukan kejayaan sesebuah sekolah itu. Jika sesebuah sekolah itu gagal mendapat keputusan yang baik dan tahap disiplin pelajaranya rendah, maka para guru merupakan insan pertama yang akan dipersalahkan. Namun, sebenarnya banyak aspek lain yang patut diambilkira bagi menangani masalah ini. Di samping guru, ibu bapa haruslah juga terlibat secara langsung bagi memastikan kejayaan sesebuah sekolah bagi melahirkan generasi berilmu yang dapat memberikan sumbangan dalam pembangunan negara. Tegasnya, guru dan ibu bapa seharusnya berganding bahu dalam menentukan kejayaan pelajar dan juga sekolah.

Sementara itu, sejauh mana ibu bapa perlu terlibat dalam proses pendidikan anak-anak di sekolah masih lagi menjadi persoalan. Ini kerana masih terdapat jurang pemisah hubungan antara para guru dengan ibu bapa akibat daripada persepsi yang berbeza-beza di antara mereka. Sesetengah guru beranggapan bahawa ibu bapa menyerahkan tanggungjawab mereka kepada para guru setelah menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Tanggungjawab mereka selesai setelah anak-anak bersekolah, dan selalunya ini



terbeban di bahu para guru. Begitu juga, masih terdapat ibu bapa yang enggan memberikan kerjasama kerana kurangnya pengetahuan dan tidak tahu cara bagaimana mereka dapat melibatkan diri serta memberikan sumbangan dan bantuan dalam pendidikan anak-anak mereka di sekolah.

Sehubungan dengan ini, di negara kita ibu bapa pelajar adalah terdiri daripada pelbagai etnik. Malaysia ialah sebuah negara majmuk yang mempunyai pelbagai etnik yang majoritinya terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan sebagainya. Oleh itu, terdapat pelajar yang pelbagai etnik di kebanyakan sekolah. Kepelbagaian etnik ini boleh menentukan pelbagai bentuk dan jenis penglibatan ibu bapa dalam pendidikan di sekolah mengikut latar belakang dan budaya mereka masing-masing.

Penglibatan ibu bapa di sekolah sangat penting bagi membantu melahirkan generasi yang berpendidikan dan sentiasa maju ke hadapan. Ibu bapa merupakan insan pertama yang mendidik dan mengasuh para pelajar sebelum mereka diserahkan ke sekolah untuk diasuh dan dididik oleh guru-guru yang boleh dianggap sebagai ibu bapa kedua bagi para pelajar. Namun, masa para pelajar yang singkat di sekolah memerlukan penglibatan dan komitmen daripada ibu bapa bagi sama-sama menangani masalah dan cabaran yang berkaitan pendidikan kanak-kanak pada masa kini.

Walaupun penglibatan ibu bapa penting dalam pendidikan anak-anak, namun masih ramai dalam kalangan mereka yang kurang terlibat. Menurut Jennifer (1999), kurangnya penglibatan ibu bapa dalam memastikan pembelajaran anak-anak yang selesa dan

berkesan adalah disebabkan mereka tidak berpengetahuan dan kurang memberi kerjasama dengan sekolah. Di samping itu mereka juga agak kurang memberi dorongan, motivasi dan galakan kepada anak-anak mereka kerana pelbagai faktor lain seperti masalah komunikasi, kewangan, sikap, masa dan kemahiran dalam pendidikan.

Oleh itu, secara umum sewajarnya para guru menyedari kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah. Di samping itu, persepsi guru perlu dikaji kerana mereka merupakan agen perubahan sosial yang penting dalam masyarakat pada masa kini. Melalui persepsi guru dapat pula diketahui antara amalan-amalan yang perlu dan tidak perlu dalam penglibatan ibu bapa di sesebuah sekolah.

1.2 Latarbelakang Kajian

Abdul Shukor Abdullah (1998) menyatakan sistem pentadbiran pendidikan masa kini memfokuskan sekolah sebagai satu institusi yang memerlukan hubungan di antara ibu bapa dan para guru di sekolah melalui program kerjasama yang terancang. Ini secara tidak langsung menjadikan sekolah sebagai sebuah institusi yang lebih dinamik ke arah perkembangan pendidikan. Oleh itu pelbagai pendekatan dan kaedah baru diperlukan. Ini termasuklah menjadikan ibu bapa pelajar sebagai rakan untuk bekerjasama bagi menyediakan keperluan pendidikan pelajar. Kerjasama di antara sekolah dengan ibu bapa amat penting bagi menghadapi era globalisasi dan memastikan tercapainya matlamat Wawasan 2020.